

Saya tak pernah jadi ahli Kelab Sosialis—Dr. M

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menafikan tuduhan yang mengatakan ia pernah menjadi anggota Kelab Sosialis di Universiti Singapura sebagaimana yang disebarkan dalam risalah-keluaran Barisan Pemuda Insaf.

Ketika berucap di majlis ceramah di Kampung Gelong dekat sini dalam kawasan parlimennya Kubang Pasu, beliau berkata, risalah itu dipercayai dikeluarkan oleh golongan yang menyokong parti PAS.

Risalah itu juga menuduh Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai seorang komunis telah disebarkan di kawasan parlimennya sejak beberapa hari yang lalu.

Beliau berkata, mereka yang membuat tuduhan yang tidak berasas itu terdiri dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab serta mempunyai minat jahat bagi kepentingan parti PAS.

Menurutnya, Barisan Pemuda Insaf itu tidak pernah diwujudkan tetapi hanya lebih berbau komu-

JITRA, Khamis, (Bernama)

nis kerana mereka menjalankan kegiatannya seperti ajen-ajen komunis yang memburuk-burukkan nama dan peribadi seorang anggota parti lawan mereka.

Tambah beliau, mereka itu boleh menyasat di Universiti Singapura sama ada beliau pernah menjadi anggota kelab itu pernah menuntut di Fakulti Perubatan di universiti tersebut.

Tuduhan palsu

"Saya mencabar mereka yang tidak bertanggungjawab kerana tuduhan palsu itu dan sebagai seorang Islam saya juga berani bersumpah dengan Quran bagi menegakkan kebenaran yang saya tidak pernah menjadi anggota kelab itu.

"Waktu saya menuntut di universiti itu dahulu, saya telah menentang secara lantang segala kegiatan kelab itu kerana bertentangan dengan fahaman politik saya," tambah beliau.

Beliau menafikan risalah itu sebagai satu dakwah PAS disebabkan mereka tidak ada lagi isu penting dalam kempen pilihannya selain dari agama Islam dan buku Malay Dilema.

Beliau berkata, bagi PAS segala isu yang boleh memancing undi akan digunakan sepenuhnya, menurut nafsu mereka.

Beliau mengingatkan para pengundi di kawasan parlimennya supaya lebih berwaspada terhadap golongan itu yang sedang giat menabur fitnah dan tuduhan palsu terhadapnya dan para pemimpin BN.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menceritakan bagaimana isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah ketika dalam perjalanan pulang petang kelmarin selepas menghadiri ceramah di sebuah kampung di Jitra telah dimaki oleh sekumpulan budak yang membawa poster PAS serta mengeluarkan perkataan 'kafir' kepada isterinya.

Beliau kesal terhadap sikap anak-anak muda itu kerana mereka telah diracuni oleh para pemimpin parti lawan secara menggalakkan budak-budak itu menggunakan perkataan-perkataan kasar dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

Katanya, pemimpin dan penyokong parti PAS sanggup memperkudakan tenaga budak-budak kecil yang masih di bangku sekolah bagi kepentingan politik mereka.